



## KENYATAAN MEDIA

### KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum terhadap satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Parti Sosialis Malaysia (PSM) pada 14 Disember 2018 berhubung pengawal keselamatan di Hospital Putrajaya yang tidak dibayar gaji selama tiga (3) bulan.

KKM telah menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata), Bersenjata dan *Cash In Transit* di Hospital Putrajaya bagi tempoh dua (2) tahun mulai 1 Jun 2017 sehingga 1 Jun 2019 dengan syarikat kawalan keselamatan tersebut. Berdasarkan Perjanjian tersebut, syarikat adalah bertanggungjawab untuk membayar gaji, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bayaran kerja lebih masa dan sebagainya kepada pengawal keselamatan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa termasuk Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang berkenaan.

KKM telah membuat bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan kepada syarikat tersebut bagi tempoh mulai 1 Jun 2017 sehingga 30 November 2018 dan **tiada bayaran tertunggak** bagi tempoh tersebut. KKM juga tidak mendapat sebarang aduan tentang pengawal keselamatan di Hospital Putrajaya tidak dibayar gaji selama tiga (3) bulan.

KKM juga ingin memaklumkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata), Bersenjata dan *Cash In Transit* di Hospital Putrajaya oleh syarikat tersebut telah ditamatkan berkuatkuasa mulai 16 Disember 2018 melalui Notis Penamatkan Perkhidmatan bertarikh 12 Disember 2018 kerana pelanggaran syarat Perjanjian.

**YBhg. Dato' Seri Dr Chen Chaw Min**  
**Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**14 Disember 2018**